


# MUNYATUL MUSOLLI

(Cita-Cita Orang Yang Bersembahyang)


# 09 HIKMAH DI SEBALIK PENENTUAN WAKTU DAN RAKA'AT SEMBAHYANG

Kemudian hendaklah diketahui hikmah ditentukan pada waktu yang lima ini dan pada bilangan-bilangannya. Telah dikata setengah hukama' (حكماء):

Ditentukan tiap-tiap sembahyang itu menyembahyangkan suatu Nabi daripada anbiya' Allah pada waktunya.

Maka pertama-tama orang yang sembahyang **Subuh** itu Nabi Adam ﷺ tatkala keluar daripada syurga, dan melihat ia akan **zhulmah** (ظلمة - kegelapan), dan takut ia akan sebagai takut yang sangat. Dan tatkala Subuh dan pecah (terbit) Fajar, sembahyang ia dua raka'at; yang pertamanya syukur ia bagi kelepasan ia daripada kelam, dan raka'at yang keduanya syukur ia sebab kembali siang hari.

Dan pertama-tama orang yang sembahyang **Zohor** itu, Nabi Ibrahim ﷺ tatkala menyuruh Allah dengan menyembelih akan anaknya (Nabi Isma'il ﷺ). Kemudian disuruh pula dengan menyembelih akan penebusan. Dan adalah seru itu pada ketika gelincir matahari. Maka sembahyang ia empat raka'at. Yang pertama syukur bagi penebusan, dan yang kedua bagi membukakan dukacita anaknya, dan yang ketiga bagi menuntut keredhaan Allah daripadanya, dan yang keempat kerana keadaannya sebab diberi penebus yang amat besar (kibasy), seperti firman Allah ﷻ:



**"Dan Kami tebus akan ia dengan sembelih kibasy yang amat besar."**

Iaitu kibasy yang dibawa turun daripada syurga, iaitu kibasy Habil (كيش هابيل).

Dan pertama-tama orang yang sembahyang fardhu **'Asor** itu, Nabi Yunus ﷺ ketika dikeluar akan dia Allah daripada perut ikan nun, seperti anak burung yang tiada berbulu baginya. Dan ia di dalam empat kelam.

Pertama: Kelam **Zhulmah** kesalahan (lari daripada kaumnya sebelum diizinkan oleh Allah),
Kedua: Kelam airnya,
Ketiga: Kelam malam, dan
Keempat: Kelam perut ikan.

Dan adalah keluarnya itu, pada ketika waktu ‘Asor. Maka sembahyang ia, empat raka’at syukur bagi Allah daripada kelepasan empat **zhulmah** itu.

Dan pertama-tama orang yang sembahyang **Maghrib** itu, Nabi ‘Isa عليه السلام tatkala dikeluarkan dia Allah daripada antara kaumnya. Dan adalah yang demikian itu, pada ketika jatuh matahari.

Maka pertamanya: Supaya menafikan bagi ketuhanan daripada yang lain daripada Allah سبحانه وتعالى.

Kedua: Bagi menafikan tohmah (dituduh anak zina) daripada ibunya daripada dituduh oleh kaumnya.

Ketiganya: Kerana memberi bekas akan ketuhanan itu bagi Allah jua.

Kerana inilah dua raka’at yang dahulu itu berhubung keduanya, dan yang ketiganya tunggal sendirinya.

Dan pertama-tama orang yang sembahyang **‘Isya’** itu, Nabi Musa عليه السلام ketika sesat jalan waktu keluar ia daripada Madyan. Dan adalah padanya (Nabi Musa عليه السلام) itu, di dalam dukacita isterinya dan dukacita Harun عليه السلام saudaranya, dan dukacita seterunya Fir’aun, dan dukacita beberapa anaknya. Maka dilepaskan Allah daripada yang demikian itu sekaliannya dengan janjiNya yang sebenarnya. Dan ada yang demikian itu, pada waktu ‘Isya’ yang akhir. Maka sembahyang ia empat raka’at, syukur akan Allah daripada segala dukacita yang empat itu.

Dan pada riwayat yang lain, bahawasanya Subuh itu bagi Nabi Adam عليه السلام, dan Zohor itu bagi Nabi Daud عليه السلام, dan ‘Asor bagi Nabi Sulaiman عليه السلام, dan Maghrib bagi Nabi Ya’qub عليه السلام, dan ‘Isya’ bagi Nabi Yunus عليه السلام.